

30 JUN 2002

Kasitah-Koperasi

PERATURAN BOLEHKAN MESYUARAT KOPERASI TIGA TAHUN SEKALI DITELITI

LANGKAWI, 30 Jun (Bernama) -- Kerajaan sedang meneliti peraturan bagi membolehkan koperasi mengadakan mesyuarat agung masing-masing dalam tempoh tiga tahun sekali berbanding dua tahun sebelum ini.

Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi Tan Sri Kasitah Gaddam berkata kementerian telah mengarahkan Jabatan Pembangunan Koperasi (JPK) meneliti perkara itu demi kebaikan koperasi.

"Tempoh ini secara tidak langsung memberikan pengerusi dan anggota lembaga pengarah sesebuah koperasi masa untuk merancang pelbagai aktiviti untuk kepentingan anggota mereka," katanya selepas merasmikan mesyuarat agung Koperasi Kebangsaan Guru-guru Lepas Maktab (KKGLM) Malaysia Berhad di sini hari ini.

Koperasi itu ditubuhkan pada 1994 dengan keanggotaan 10,518 orang dengan jumlah aset berjumlah RM18 juta.

Kasitah juga berkata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dijangka melancarkan Hari Koperasi Negara pada 21 Julai ini.

Pengerusi KKGLM Malaysia Berhad, Mohamad Mustaffa mengumumkan dividen 2.5 peratus kepada anggota koperasi itu.

Beliau juga berkata koperasi itu telah merancang pelbagai aktiviti untuk meningkatkan pendapatan termasuk bekerjasama dengan institusi kewangan dan insurans selain mengeluarkan pinjaman kenderaan bernilai RM50,000 kepada anggotanya.

Aktiviti utama koperasi itu ialah mengeluarkan pinjaman kepada anggotanya dan setakat ini sebanyak RM8 juta pinjaman telah diberikan kepada anggotanya berbanding lebih RM6 juta sepanjang tahun lepas.

-- BERNAMA

NH MAI